

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HSM 212 Sejarah Politik Malaysia dari Kesultanan
Melaka Hingga 1941

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan, termasuk sekurang-kurangnya SATU (1) soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Melaka

1. Dalam satu makalah Encik Abdul Rahman Hj. Ismail telah menghujahkan bahawa Sejarah Melayu selain daripada merupakan satu dokumen sejarah adalah satu dokumen politik - suatu pernyataan sikap dan pendedahan pemikiran politik golongan pemerintah. Berikan pendapat anda sama ada anda setuju atau tidak dengan pandangannya itu.
2. Apakah percanggahan tafsiran-tafsiran ahli sejarah R.O. Winstedt di antara tahun-tahun 1937 dan 1948 telah mengelirukan beberapa generasi pelajar-pelajar sejarah tentang persoalan siapakah Raja Melaka pertama yang memeluk agama Islam?
3. Sejauh manakah Undang-Undang Melaka dapat menggambarkan sifat-sifat masyarakat di negeri Melaka pada abad ke-15?

BAHAGIAN B - Semenanjung Tanah Melayu

4. Apakah jangkamasa Belanda di Melaka (1641-1795) dapat dianggap sebagai "zaman Belanda" dalam sejarah Semenanjung Tanah Melayu?

5. Bincangkan peranan golongan anak raja perempuan di dalam bidang politik di negeri-negeri Melaka, Patani, Aceh dan Johor-Riau di antara abad-abad ke-15 dan 18.
6. Adakah tahun 1824 atau tahun 1874 yang lebih penting sebagai tarikh perkembangan pengaruh Imperialisme Inggeris dalam Negeri-Negeri Melayu Semenanjung?

BAHAGIAN C - Brunei, Sarawak dan Sabah

7. Bincangkan masalah-masalah dalam menggunakan naskah-naskah Silsilah Raja-Raja Brunei yang disalin pada tahun-tahun 1807 dan 1936 sebagai sumber-sumber sejarah.
8. SAMA ADA
 - (a) Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan pemerintahan-pemerintahan Brunei dan Sulu berakhir di negeri-negeri Sarawak dan Sabah dalam abad ke-19.

ATAU

- (b) Adakah negeri Sarawak semasa di bawah pemerintahan-pemerintahan Brooke di dalam lingkungan kawalan imperialis Inggeris?

-oooO00ooo-